

Sebahagian Jalan Pala ditutup 6 bulan

PERMATANG TINGGI - Sebahagian laluan di Jalan Pala, dekat sini akan ditutup sepenuhnya kepada lalu lintas selama enam bulan bermula 15 Oktober ini sehingga 14 April 2010.

MMC Gamuda Joint Venture dalam siaran medianya kepada Sinar Harian berkata, ia bagi memberi laluan kepada kerja pemasangan paip untuk projek Pembinaan Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar yang dijalankan di kawasan terbabit.

Sehubungan itu, pengguna jalan raya dinasihatkan menggunakan laluan alternatif di Persimpangan Jalan Permatang Tinggi atau Lorong Perindustrian Permatang Tinggi 1 sepanjang tempoh penutupan.

Bagaimanapun, jalan akan dibuka semula setelah tamat tempoh kerja pemasangan paip berkenaan.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian hotline 24 jam MMC- Gamuda Joint Venture menerusi talian 1-300-80-1999.